

**NO. SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9475**

**SOALAN :**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan telah pun membuat permintaan rasmi (*'submitted a formal request'*) kepada kerajaan Australia untuk mengekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar ke Malaysia. Sekiranya ya, sila nyatakan tarikh permintaan tersebut dibuat.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, pada masa kini Kerajaan belum membuat permintaan ekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar kepada Kerajaan Australia. Permohonan ekstradisi perlu dilihat secara menyeluruh kerana ia melibatkan isu perundangan yang rumit yang perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain menyentuh dasar dan undang-undang negara lain, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul untuk menjalani hukuman mati menyentuh isu hak asasi manusia di mana Australia salah satu negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati. Hukuman tersebut tidak diterima oleh masyarakat di sana. Selain itu, mengikut triti ekstradisi, dokumen permohonan ekstradisi perlu dinyatakan hukuman yang akan dikenakan ke atas penjenayah tersebut iaitu hukuman mati yang telah dijatuhi Mahkamah Persekutuan. Atas dasar itu, kerajaan masih lagi mengkaji kaedah terbaik untuk menangani isu tersebut.

Bagi mengelakkan perkara seperti ini berlaku lagi, Kerajaan akan memperketatkan pemantauan dan memastikan pesalah yang telah dijatuhi hukuman tidak membolosi sempadan negara.